

Sebanyak 271 pasangan pengantin bersanding serentak di TTI, Kuala Terengganu

## Persandingan paling ramai

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**KUALA TERENGGANU** — Seramai 271 pasangan pengantin dari seluruh Terengganu bersanding secara serentak di Taman Tamadun Islam (TTI) di sini semalam yang diliktiraf sebagai majlis persandingan pengantin paling ramai oleh *Malaysia Book of Records*.

Turut hadir Menteri Besar program Keluarga Generasi Transformasi Terengganu Baharu (TTB)-Perkahwinan Perdana itu, sememangti 70 pasangan pengantin dari daerah ini dan Kuala Nerus dinikahkan di Masjid Kristal, TTI pada pukul 8.30 pagi manakala selebihnya telah melangsungkan penikahan di daerah masing-masing kelmarin.

Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Razif Abd. Rahman berkata, program tabuhan yang kali kedua dianjurkan tersebut merupakan tanda keperhatian kerajaan negeri untuk membantu golongan muda dan meringankan beban ahli keluarga mereka mengadakan majlis perkahwinan.

"Para pengantin terabit terdiri daripada penduduk negeri ini yang berusia dalam lingkungan



SEBAHAGIAN daripada 271 pasangan pengantin bergambar beramai-ramai pada majlis resepsi program Keluarga Generasi TTB: Perkahwinan Perdana 2017 di TTI, Kuala Terengganu semalam.

18 hingga 35 tahun, pertama kali berkahwin, tiada rekod jenayah dan masalah kesihatan serta pendapatan pasangan RM3,000 ke bawah.

"Mereka menerima satu set per-salinan, paket set perkahwinan, paket bolan pengantin hasil kerjasama, SIR Premium Bank Simpanan Nasional bernilai RM1,000 dan jempu-

tan jambuan seramai 50 orang bagi setiap pasangan," katanya selepas merenjis mawar sebahagian pasangan pengantin berkenaan di sini semalam.

Turut hadir Pengurus Jawatankuasa Kesihatan, Pembangunan Wanita, Komuniti dan Masyarakat negeri, Roslee Daud.

POJOK STESISI: Petugas bomba dan basikal bersedia hadapi situasi di stesen kereta api London diserang

KERATAN Kosmo! semalam.

## Tiada rakyat Malaysia terlibat

**KUALA LUMPUR** — Setakat ini tiada rakyat Malaysia dilaporkan terlibat dalam ledakan dan etupan di stesen kereta api Parsons Green di London yang menewaskan 22 orang pada Jumaat lalu.

Dalam satu kenyataan somalam, Wisma Putra berkata, Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya kejadian itu yang disifatkan sebagai serangan pergecut.

"Kementerian sedang memantau rapat situasi ini dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London sentiasa berhubung dengan pihak berkusa tempatan," demikian menurut kenyataan itu.

Wisma Putra turut memasihati rakyat Malaysia berhubung dengan suruhanjaya tinggi di alamat 52, Bedford Row, London WC1R atau melalui telefon +44 (0) 2072424308 atau e-mel [mwlondon.kln@govuk.gov.my](mailto:mwlondon.kln@govuk.gov.my) untuk pertanyaan lanjut.